

Akta Halal dikuat kuasa akhir tahun

GURUN: Produk makanan menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf kerajaan, tidak akan dibenarkan dipamer di ruang makanan halal di premis perniagaan seluruh negara selepas Akta Halal diperkenalkan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata ia antara aspek utama yang dipertimbangkan sebelum draf akta itu dikemukakan dalam pembentangan rang undang-undang Akta Halal di Parlimen pada Jun atau Julai depan.

Katanya, ketika ini pihak berkaitan masih meneliti dan mengkaji aspek perundangan serta peraturan berkaitan akta itu untuk menentukan bentuk hukuman, peraturan, denda dan prosedur lain yang boleh dikenakan terhadap pihak yang mempermainkan aspek halal serta gagal mematuhi.

"Selepas diluluskan, akta itu akan memastikan tidak ada pihak meny-

lahguna logo halal dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Kami jangka akta itu dapat dilulus dan dilaksanakan selewat-lewatnya akhir tahun ini. Ketika ini, kami masih membuat persediaan terakhir untuk membawa akta itu ke mesyuarat Kabinet dan ia dijangka dibentangkan di Parlimen pada Jun atau Julai depan," katanya selepas melancarkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Gurun di sini, semalam.

Sementara itu, Jamil Khir berkata, sekurang-kurangnya 70 peratus Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) sudah berdaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) sehingga kini.

Katanya, beliau berharap hasrat kerajaan supaya semua sekolah agama didaftarkan sebagai SABK dapat dilaksanakan sepenuhnya tahun ini.